



KENYATAAN AKHBAR
TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu 23/2013 (2 Jun hingga 8 Jun 2013)

“TIGA KES KEMATIAN DENGGI DALAM MASA SEMINGGU”

Dalam tempoh seminggu sahaja, tiga (3) kematian Denggi dilaporkan iaitu masing-masing satu di Pulau Pinang, Selangor dan Melaka menjadikan jumlah kumulatif kematian Denggi sehingga kini sebanyak 22 berbanding 21 kematian pada tahun lepas. Jumlah kes yang dilaporkan bagi tempoh Januari sehingga 10 Jun tahun ini telah pun melebihi jumlah kes dilaporkan pada tempoh sama tahun 2012. Dalam tempoh ini, sejumlah 10,910 kes telah dilaporkan pada 2013, berbanding 10,706 kes bagi tempoh yang sama tahun 2012, iaitu peningkatan sebanyak 2% (204 kes). Tren peningkatan kes telah dilihat dengan ketara di Johor sejak pertengahan bulan April 2013 dan terdapat juga negeri lain yang mengalami trend peningkatan kes seperti WPKL- Putrajaya dan Selangor sejak sebulan lepas.

Tiga kes kematian yang dilaporkan pada minggu lepas iaitu terdiri daripada 2 orang kanak-kanak berusia satu tahun dari P.Pinang dan Melaka. Manakala seorang lagi adalah suri rumah berasal dari Selangor. Kesemua kes ini meninggal akibat komplikasi denggi iaitu *Dengue Shock Syndrome*. Punca jangkitan yang dikenal pasti adalah di

kediaman pesakit yang tidak bersih dan mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi iaitu diantara 3% hingga 4.5%. Pembiakan dijumpai di singki yang dibuang di belakang rumah dan didalam alas pasu bunga. Ini jelas menunjukkan denggi menyerang tanpa mengenal usia. Oleh itu, pencegahan dengan memastikan tiada bekas bekas menjadi tempat pembiakan dipersekitaran kediaman, dapat menyelamatkan kan banyak nyawa.

Usaha berterusan Kementerian

Pada masa kini, pendekatan KKM adalah lebih tertumpu kepada usaha dalam aktiviti pengawasan setempat yang dilakukan di kawasan bermasalah serta tindakan kawalan sebagai pendekatan utama bagi menbendung penyakit demam Denggi. Sistem Pengurusan Wabak Denggi (SPWD) merupakan satu projek kerjasama antara Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang bermula pada pertengahan tahun 2011. Pengoperasian sistem ini berteraskan kepada penggunaan teknologi remote sensing secara *web-based*, GIS dan teknologi berkaitan sebagai usaha membantu pihak KKM membuat pemantauan dan pengurusan wabak denggi dengan lebih berkesan secara spatial dan online.

Faktor cuaca mempengaruhi peningkatan kes denggi

Secara umumnya keadaan cuaca di Malaysia dari Jun hingga Disember adalah beriklim panas dan daripada analisa Kementerian Kesihatan pula bagi tempoh 5 tahun kebelakangan ini menunjukkan peningkatan kes Denggi sering berlaku di antara bulan Jun hingga

September setiap tahun. Kes demam Denggi adalah berkait rapat dengan faktor cuaca dan umumnya nyamuk Aedes dari segi biologinya dipengaruhi oleh suhu semasa dan jumlah air yang tersedia. Kadar gigitan dan proses pembiakan nyamuk akan lebih kerap berlaku dalam suhu yang tinggi, nyamuk Aedes juga akan mengalami proses tumbesaran daripada larva ke dewasa dengan lebih cepat dalam keadaan ini. Dengan pada itu proses gigitan dan pembiakan juga meningkat dalam keadaan suhu yang panas. Keadaan ini akan menjadikan populasi nyamuk berganda dalam tempoh yang singkat dan penyebaran penyakit ini akan lebih tinggi.

DATUK DR LOKMAN HAKIM BIN SULAIMAN

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Kementerian Kesihatan Malaysia

11 Jun 2013

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 23/2013
(2 Jun hingga 8 Jun 2013)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 23/2013	Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 23/2012
		Minggu 23 (2 – 8 Jun 2013)	Minggu 22 (26 Mei – 1 Jun 2013)		
1	Perlis	13	9	81	80
2	Kedah	10	17	334 (1)	357 (1)
3	P. Pinang	13 (1)	10	291 (1)	376 (1)
4	Perak	18	19	832	693 (2)
5	Selangor	260 (1)	296 (1)	4,734 (4)	4,724 (10)
6	WPKL & Putrajaya	22	48	924 (5)	1,043 (3)
7	N. Sembilan	10	19	253	191 (1)
8	Melaka	9 (1)	3	199 (1)	276
9	Johor	92	90	1,305 (7)	742 (1)
10	Pahang	11	8	234	310 (1)
11	Terengganu	9	3	121	360
12	Kelantan	21	14	579	540
13	Sarawak	14	20	713 (2)	444
14	Sabah	7	7	307 (1)	209 (1)
15	WP Labuan	0	1	3	7
	Jumlah	509 (3)	564 (1)	10,910 (22)	10,352 (21)

Nota: () Kematian

* Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan